

Kejutan Budaya di IPT

OLEH FAZIL MOHD.

Sesiapa sahaja yang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT), berpegang kepada matlamat ingin menggenggam segulung diploma atau ijazah. Hal itu menjadi idaman setiap orang. Di negara ini, melanjutkan pengajian di peringkat tertinggi meletakkan seseorang itu dalam satu "fasa" yang baharu dalam kehidupannya. Bagi keluarga yang tinggal di luar bandar, apabila anak mereka berjaya melanjutkan pelajaran di IPT, mereka yakin ada "sinar" kejayaan yang bakal diraih oleh anak mereka sekali gus dapat mengubah nasib keluarga mereka kepada yang lebih baik. IPT menjamin masa hadapan sesiapa juga dan sekiranya ada ahli keluarga yang melanjutkan pelajaran ke IPT, keluarga tersebut akan dipandang "tinggi" oleh masyarakat yang menganggap sesiapa sahaja yang belajar di IPT akan memperoleh pekerjaan yang sempurna, dan gaji yang lumayan apabila berjaya menamatkan pengajian kelak.

Disebabkan lokasi IPT terletak di bandar utama setiap negeri, maka pelajar di luar bandar terpaksa berhijrah ke bandar untuk melanjutkan pelajaran. Hal ini memerlukan pengorbanan yang besar dan segunung harapan terletak di bahu pelajar terbabit. Apabila pelajar melangkah ke menara gading, kehidupan mereka tidak lagi diawasi ibu bapa atau ahli keluarga yang lain. Meskipun mereka terikat dengan pelbagai peraturan dan disiplin, banyak perkara yang dilakukan oleh mereka diputuskan oleh mereka sendiri. Siapa mereka berkawan atau apa-apa yang cuba dilakukan oleh mereka selepas waktu kuliah, adalah terletak di tangan mereka. Dalam fasa inilah kebanyakan pelajar terdedah dengan kejutan budaya. Kejutan budaya di IPT mengakibatkan pelajar hilang arah dan tidak tahu menyesuaikan diri dengan persekitaran yang baharu. Meskipun tidak ada kajian yang merujuk kepada jumlah pelajar IPT yang mengalami kejutan

budaya, senario ini sememangnya berlaku.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Universiti San Diego, California, kejutan budaya menggambarkan kebimbangan yang terhasil apabila seseorang bergerak ke persekitaran yang baharu. Istilah ini menyatakan kekurangan arah, perasaan tidak tahu tentang apa-apa yang perlu dilakukan atau bagaimana untuk melakukan perkara dalam persekitaran yang baharu dan tidak tahu apa-apa yang sesuai atau tidak sesuai. Perasaan kejutan budaya secara umumnya akan berlaku selepas beberapa minggu datang ke tempat baharu.

Kajian tersebut turut menggambarkan kejutan budaya sebagai satu ketidakselesaan fizikal dan emosi apabila tinggal di negara lain atau tempat yang berbeza daripada tempat yang asal. Biasanya, cara hidup sebelum ini tidak diterima di tempat yang baharu, misalnya seseorang pelajar yang tidak tahu bertutur loghat di sesuatu kawasan, menggunakan mesin perbankan dan menggunakan telefon. Tanda-tanda kejutan budaya boleh



muncul pada masa yang berlainan. Hal itu memberikan peluang yang baik untuk bersandar dan mendapatkan perspektif yang baharu.

Terdapat beberapa peringkat kejutan budaya. Setiap peringkat boleh berterusan atau hadir hanya pada masa yang tertentu. Peringkat pertama ialah peringkat berasa gembira dengan semua perkara baharu yang dihadapi. Peringkat ini disebut peringkat "bulan madu", kerana semua yang dihadapi adalah suasana yang baharu dan menarik. Hal ini diikuti peringkat yang kedua, iaitu membentangkan dirinya. Seseorang akan berhadapan dengan tempoh yang sukar dan berhadapan dengan krisis dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, kesukaran berkomunikasi mungkin berlaku. Dalam peringkat ini, wujud perasaan tidak puas hati, ketidaksabaran, kemarahan, kesedihan dan ketidakcekapan perasaan. Keadaan ini berlaku apabila seseorang itu cuba menyesuaikan diri dengan budaya baharu yang sangat berbeza daripada budaya yang asal. Peringkat ketiga akan berlaku apabila seseorang

itu mendapat sedikit pemahaman daripada budaya baharu. Wujud keseronokan dan rasa yang boleh diterima. Pada peringkat keempat

individu akan sedar bahawa budaya baharu mempunyai perkara yang baik dan buruk untuk ditawarkan. Pada peringkat ini boleh berlaku salah satu integrasi berganda atau integrasi tiga kali ganda yang bergantung kepada bilangan budaya. Integrasi ini disertai perasaan keikatan yang lebih kukuh. Seseorang mula menentukan dirinya dan mewujudkan matlamat untuk hidup.

Peringkat yang seterusnya dikenali sebagai "kejutan masuk semula". Hal ini berlaku apabila kembali ke tempat asal. Seseorang mungkin mendapati bahawa masih wujud perkara yang sama. Sebagai contoh, budaya yang baru diambil alih tidak digunakan dalam budaya yang lama. Peringkat ini hadir pada masa yang berlainan dan setiap orang mempunyai cara mereka sendiri untuk bertindak balas di peringkat kejutan budaya. Akibatnya, beberapa peringkat lebih lama dan lebih sukar daripada yang lain. Banyak faktor yang menyumbang kepada tempoh dan kesan kejutan budaya. Sebagai contoh, keadaan kesihatan, mental individu, jenis personaliti, pengalaman, keadaan sosioekonomi, kebiasaan dengan bahasa, keluarga, sistem sokongan sosial dan tahap pendidikan.


Kajian tersebut boleh dilihat dalam skop yang lebih kecil, iaitu di peringkat IPT. Apabila pelajar luar bandar, misalnya pelajar yang tinggal di pedalaman dan terpaksa menaiki bot yang memakan masa lebih tujuh jam atau melalui jalan darat yang mencabar untuk meninggalkan kampung halaman mereka yang terbelakang dari aspek pemodenan, bagi melanjutkan pelajaran ke IPT yang terletak di bandar, terdapat dua



Budaya punk merupakan salah satu kesan kejutan budaya dalam kalangan remaja hari ini.

kemungkinan yang akan berlaku. Pertama, pelajar tersebut menerima pembaharuan tersebut dengan menerapkan nilai baharu yang positif dan meneruskan pelajaran sehingga tamat pengajian. Kedua, pelajar tersebut tidak dapat menerima kejutan budaya dan tidak dapat membezakan budaya positif atau negatif. Akhirnya pelajar tersebut berhadapan dengan budaya negatif. Dia menghabiskan waktu luang yang sepatutnya diisi dengan mengulang kaji pelajaran dengan melepak atau memasuki kelab malam. Pelajar terbabit berasa selesa dengan budaya baharu yang dilakukannya tanpa mengetahui budaya tersebut adalah budaya negatif. Keadaan ini akhirnya akan menjejaskan pembelajaran pelajar berkenaan.

Pada tahun 2010, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), menjelaskan bahawa kejutan budaya dansikap tidak bertanggungjawab dipercayai menjadi punca



sebanyak 112 132 orang pelajar gagal mendapat keputusan nilai purata gred kumulatif (GPA) 2.0. Hal ini mengakibatkan pinjaman pelajaran mereka terpaksa ditahan. PTPIN menjelaskan bahawa pencapaian di bawah GPA 2.0 tidak dapat diterima terutama bagi pelajar sepenuh masa, apatah lagi di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Berdasarkan statistik Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, pada Januari hingga Jun 2010, sebanyak 17 buah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dikompau dan antara kesalahannya adalah kerana mengambil pelajar di bawah syarat minimum. Tindakan itu membabitkan 26 kompaun pelbagai kesalahan berjumlah RM231 ribu. Kesalahan mengambil pelajar di bawah syarat minimum bukan sebagai punca utama pelajar gagal mencapai GPA 2.0, atau mungkin pelajar tidak menjalankan tanggungjawab selepas diberikan kepercayaan dan peluang memilih bidang pengajian. Adakah alasan bahawa mereka masih terbawabawa dengan gaya atau budaya sekolah menengah yang segala-galanya disediakan menjadikan mereka leka kerana di IPTS semua perkara perlu dirancang sendiri dan tiada siapa yang akan mengingatkan mereka tentang waktu yang sesuai untuk mereka mengulang kaji pelajaran?

Pakar Psikologi Kanak-kanak dan Remaja, Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Madya Dr. Khaidir Ismail yakin kejutan budaya menjadi masalah utama kerana pelajar dalam pencarian identiti menyebabkan mereka mudah menerima perubahan persekitaran.

Beliau menjelaskan bahawa

corak pembelajaran di sekolah menengah dengan kelas tuisyen dan latihan tubi diatur guru, tetapi apabila melangkah ke alam universiti mereka perlu melakukan sendiri.

Khaidir menjelaskan bahawa di universiti, pergaulan pelajar agak bebas dan masa kuliah boleh dipilih sama ada pada waktu pagi atau petang. Oleh hal yang demikian, apabila pelajar gagal merancang waktu belajar dan menyesuaikan diri

dengan suasana kampus, maka mereka akan berhadapan dengan masalah pembelajaran. Yang lebih membimbangkan, kejutan budaya yang berlaku menyebabkan matlamat mereka untuk melanjutkan pelajaran terpesong. Oleh sebab tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu, akhirnya mereka terikut-ikut budaya yang tidak sihat. Sementara itu, terdapat juga faktor kebebasan dan kemudahan dana atau biasiswa yang diberikan disalahgunakan oleh pelajar yang berasa mereka tidak perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan keputusan yang baik kerana mereka sudah berada di menara gading. Lebih buruk lagi ada pelajar mudah terpengaruh dengan budaya luar hingga hanyut dan akhirnya lupa tanggungjawab sebenar mereka berada di IPT. Masalah kecikiran pelajaran tidak berlaku jika mereka mempunyai nilai murni dan rasa tanggungjawab ke atas diri sendiri.

Terdapat juga pelajar IPT yang

terjerumus dalam gejala sosial seperti pelacuran dan hubungan sejenis. Menerusi wawancara dengan beberapa orang pelajar IPT di Kuala Lumpur, daripada 20 orang responden yang ditemui, 16 orang daripada mereka mengakui bahawa terdapat pelajar IPT yang terlibat dalam gejala sosial. Pelajar tahun akhir fakulti undang-undang sebuah IPT, Wani Ahmad (bukan nama sebenar) menjelaskan kepada penulis bahawa ada rakan sekuliah mereka yang menjadi pelacur untuk mendapatkan wang tambahan kerana ingin hidup mewah. Wani turut mendedahkan bahawa terdapat pelajar lelaki yang turut mengubah penampilan menyerupai perempuan sebaik-baik sahaja berada di IPT.

Kenyataan tersebut dikukuhkan lagi apabila pada Disember 2010, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) percaya pelajar IPT yang terlibat dengan kegiatan pelacuran adalah disebabkan keinginan mereka untuk hidup mewah. Naib Presiden Hal Ehwal Wanita



Film *Bohsia* banyak memaparkan masalah gejala sosial yang membelenggu remaja.





Pergaulan bebas menyebabkan remaja mudah terjerumus dengan kancah hidup yang tidak sihat.

GPMS, Rafidah Mohd. Aniffin, berkata pihaknya menolak faktor mahu menyara kos kehidupan yang tidak mencukupi sebagai alasan utama penuntut terbabit terlibat dengan gejala tersebut. Beliau menambah, meskipun masalah tersebut merupakan kes yang terpercil, masalah tersebut harus diberikan perhatian yang serius. GPMS berpendapat kes sebegini adalah terpercil, tetapi harus diberikan perhatian yang serius untuk menanganinya.

Hakikatnya, perbelanjaan yang tinggi di IPT tidak boleh dijadikan alasan untuk pelajar IPT bertindak melibatkan diri dengan gejala pelacuran. Tidak berlaku keciciran PIPTN di IPT sehingga menyebabkan ada pelajar yang kurang berkemampuan tidak layak mendapatkan PIPTN sehingga mereka hidup dalam kesusahan sepanjang berada di IPT.

Berdasarkan rekod, sehingga tahun 2010, PTPTN telah membelanjakan sebanyak RM32 bilion bagi menyediakan

pinjaman kepada pelajar IPT dan jumlah itu bertambah saban tahun. Bagi kemasukan ke IPTA dan Institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) sesi 2010 yang membabitkan kira-kira 200 ribu orang pelajar, sejumlah RM3.5 bilion lagi disalurkan. Sehingga kini, lebih 1.32 juta orang pelajar sudah menikmati faedah yang disediakan PTPTN. Malangnya, usaha kerajaan itu tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh segelintir pelajar yang menerima pinjaman baik dari PTPTN atau pinjaman yang lain.

Mengamalkan perbelanjaan tidak berhemah antara faktor utama menyebabkan pinjaman yang disediakan oleh PTPTN tidak mencukupi bagi menampung kos sara hidup mereka ketika berada di IPT. Bekas pengerusi PTPTN, Datuk Dr. Mohamad Shahrudin Osman, berkata pihaknya sudah mengambil kira pelbagai aspek sebelum menawarkan pinjaman kepada setiap pelajar yang melanjutkan pengajian. "Masalah tidak cukup wang sebenarnya ada kaitan dengan sikap tidak berhemah pelajar itu sendiri. Jumlah pembiayaan ditawarkan ini mencukupi berdasarkan perkiraan yang dibuat oleh PTPTN. Tabung pinjaman tersebut turut mengambil kira pelbagai aspek termasuklah keadaan sosioekonomi keluarga pelajar. Maka, sepatutnya jumlah pinjaman yang diberikan telah mengambil kira semua aspek termasuk kos sara hidup sepanjang berada di IPT.

Senario ini memerlukan pelajar bijak menguruskan pinjaman untuk perkara yang berkaitan dengan bidang pengajian sahaja.

Walaupun bagaimanapun, PIPTN menjelaskan terdapat pelajar yang menggunakan pinjaman PTPTN untuk

berbelanja kepada perkara yang tidak sepatutnya, seperti membeli telefon bimbit mewah, pakaian berjenama, kereta, motosikal, hidup mewah, melancong dan melepak. Tindakan tersebut mengakibatkan pelajar IPT berhadapan dengan masalah kewangan yang serius. Hal ini mendorong mereka untuk hidup di luar keupayaan kewangan mereka. Lama-kelamaan, kehidupan yang mendesak mengakibatkan ada pelajar khususnya pelajar perempuan yang terlibat dengan kegiatan tidak bermoral seperti menjadi pelacur.

Dalam mengagihkan biasiswa atau pinjaman pendidikan, tidak ada panduan yang diberikan kepada pelajar untuk menggunakan biasiswa atau pinjaman yang diberikan. PTPTN menguruskan pembiayaan pendidikan tinggi dan menyediakan skim pinjaman dan mengurus deposit kepada pelajar, mengawasi cara pelajar membelanjakannya adalah di luar bidang kuasa PTPTN. Hal ini seharusnya difahami oleh pelajar IPT. Apa-apakah tindakan yang diambil oleh mereka, matlamat utama mereka berada di IPT adalah jelas, ingin mendapatkan diploma atau ijazah. Sekiranya mereka tersasar daripada matlamat tersebut, tiada siapa yang patut dipersalahkan melainkan pelajar terbabit.

Seungguhnyanya setiap pelajar terikat dengan pelbagai peraturan yang termaktub dalam peraturan tata tertib pelajar di IPT masing-masing. Walau bagaimanapun berada di gedung ilmu seharusnya dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar kerana negara memerlukan generasi penyambung warisan yang berilmu dan berbudaya pada masa akan datang.